

1. KETERANGAN HARGA PAKEJ – PERUBAHAN HARGA PAKEJ MENGIKUT PERTUKARAN MATAWANG ASING

Harga pakej yang dipaparkan di dalam mana-mana iklan, brosur, web mahupun surat menyurat adalah mengikut nilai matawang MYR semasa. Oleh kerana kadar matawang MYR berubah berbanding Euro (€) dan GBP (£) atau lain-lain matawang yang berkaitan, harga pakej Mood Travel boleh berubah mengikut kadar nilai MYR semasa berbanding nilai matawang asing tersebut. Pihak Mood Travel berhak untuk mengubah mana-mana harga pakej setelah memberi notis tidak kurang dari 7 hari sebelum tarikh penerbangan.

2. PEMBAYARAN PAKEJ

MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd menerima pembayaran hanya secara tunai, deraf bank, perbankan internet atau cek persendirian.

3. BAYARAN DEPOSIT & PEMBAYARAN PENUH

- Tempahan Pakej sah apabila bayaran deposit sebanyak RM1,000 seorang diterima oleh MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd.
- RM500 deposit bagi pakej bawah daripada RM5000 dan RM1000 deposit bagi pakej atas daripada RM5000. **Deposit adalah tidak boleh dikembalikan.**

Tempoh	Bayaran
90 hari sebelum tarikh berlepas	RM1,000
60 hari sebelum tarikh berlepas	50% daripada harga pakej
45 hari sebelum tarikh berlepas	Bayaran penuh

4. PEMBATALAN, BAYARAN PEMBATALAN & BAYARAN BALIK

- Pembatalan Tempahan Pakej boleh timbul di bawah keadaan berikut:
 - Dengan tidak mematuhi tarikh akhir bayaran penuh yang ditetapkan oleh MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd seperti di perenggan 3.
 - Melalui Peserta sendiri
Notis untuk pembatalan Tempahan Pakej oleh peserta mestilah dibuat secara bertulis atau emel untuk mengelakkan sebarang salahfaham dan hanya sah apabila diterima oleh MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd. Asas pengiraan caj penalti akan bermula dari tarikh di mana notis yang diterima oleh MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd.
- Sekiranya peserta layak menerima bayaran balik, tempoh pemprosesan oleh MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd akan adalah di antara 60 hari – 120 hari dari tarikh permintaan bayaran balik.
- Semua deposit dan bayaran penuh yang dibuat tidak boleh dikembalikan di luar Tempoh Pembatalan. Pengecualian adalah seperti berikut:
 - Kematian
 - Hospital
 - Alasan Perubatan - Disertakan dengan Surat dari Hospital (Surat dari Pengamal Am tidak boleh diterima)
- Pengecualian seperti di dalam Perenggan 4 (c) tertakluk kepada kelulusan daripada MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd atas budibicara dan yangmana bergantung kepada syarikat penerbangan dan pembekal yang berkaitan dengan bayaran balik tersebut, jika diluluskan, ia nya mungkin berbeza

daripada jumlah yang telah dibayar oleh peserta. Untuk pembatalan Tempahan Pakej yang dilakukan oleh peserta, sila rujuk jadual di bawah:

Bayaran Pembatalan / Bayaran	
Tempoh	Caj Pembatalan
45 hari ke atas sebelum tarikh berlepas	20% daripada pembayaran
30 – 45 hari sebelum tarikh berlepas	40% daripada harga pakej
26 – 29 hari sebelum tarikh berlepas	80% daripada harga pakej
25 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas	100% daripada harga pakej

5. PENEMPAHAN PAKEJ

- i. Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan **wang pendahuluan sebanyak RM1,000** setiap seorang peserta dan diikuti seperti di dalam perenggan ke 3.
- ii. Sila bayar terus ke dalam akaun seperti berikut:
Nama: MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd
Akaun: MAYBANK 562834646268
- iii. **Whatsapp slip pembayaran** ke 018-380 7828 (Syaza) atau **email** ke syaza.nazri@moodtravel.my dan maklumkan nama petugas yang berurusan dengan anda.
- iv. Bayi berumur 0-2 tahun hanya dikenakan bayaran RM1,500 (cukai lapangan terbang, visa & caj pengurusan)
- v. Harga pakej atau aturcara perjalanan yang ditawarkan adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

6. HARGA PAKEJ TERMASUK:

- a) Perjalanan bermula dan berakhir seperti dalam jadual perjalanan.
- b) Penginapan hotel bertaraf 3* atau setaraf.
- c) Sarapan pagi dan makan malam.
- d) Satu botol air mineral sehari.
- e) Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti yang tertera dalam aturcara.
- f) Cukai bandar (City Tax) setiap hotel.
- g) Pemandu pelancong (dari Mood Travel) – Muslim.
- h) Tip kepada pemandu bas persiaran.
- i) Bayaran masuk seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan.

7. HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK:

- a) Insurans perjalanan.
- b) Perbelanjaan peribadi.
- c) Surcaj tambahan ketika musim puncak/perayaan.
- d) Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar, porter dll.
- e) Makanan dan lawatan termasuk tiket selain yang dinyatakan dalam aturcara.
- f) Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi.
- g) Makan minum semasa transit melainkan dinyatakan.
- h) Penggantian bagasi / barangan peribadi yang hilang dimana-mana lokasi sepanjang perjalanan.
- i) Sebarang perubahan kadar matawang asing dan kenaikan harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang dan/atau surcaj bahan api.
- j) Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan dalam aturcara.

8. JENIS BILIK

- Jika kanak-kanak sebilik dengan 01 orang dewasa sahaja – TIADA DISKAUN diberikan. Harga Pakej sama dengan Harga Dewasa.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik (Triple Room). Oleh itu, untuk penempatan 3 orang sebilik hanya tilam tambahan yang disediakan sama ada 02 Single Bed + 01 tilam tambahan @ 01 Double Bed + 01 tilam tambahan.
- Jenis bilik yang disediakan:-
Double @ Twin: 02 orang dewasa sebilik
Triple: 03 orang dewasa sebilik @ 02 orang dewasa + 01 orang kanak-kanak berkatil
- Jika pergi seorang tanpa pasangan, ada tambahan harga dikenakan untuk bilik Single.

9. NOTA PENTING

- a) Harga, tarikh, aturcara, jenis penerbangan adalah tertakluk kepada perubahan semasa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- b) Semua harga pakej adalah berdasarkan pada kadar nilai matawang Ringgit Malaysia (MYR) semasa pakej ini mula dijual berbanding nilai matawang asing seperti EURO, CHF, GBP atau mana-mana yang berkait.
- c) Harga pakej yang ditawarkan berkemungkinan akan berubah semasa membuat bayaran penuh iaitu 45 hari sebelum tarikh penerbangan atas ketidakstabilan kadar nilai tukaran Ringgit Malaysia (MYR) berbanding dengan nilai tukaran matawang asing yang telah dinyatakan. Namun begitu, MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd akan memaklumkan secara bertulis kepada para peserta yang telah membuat tempahan sekiranya terdapat perubahan harga dan sebagainya.
- d) MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd berhak menahan penempatan pakej anda sehingga penunaian bayaran deposit melalui deraf bank atau cek persendirian anda. MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd tidak bertanggungjawab sekiranya pakej yang anda telah tempah telah habis dijual akibat kelewatan pembayaran anda.
- e) Semua jenis penerbangan dan jenis hotel adalah tertakluk kepada sebarang perubahan sehingga keputusan akhir di buat.
- f) Adalah menjadi tanggungjawab peserta untuk memastikan nama mereka tidak di senaraihitamkan oleh mana-mana badan kawal selia di Malaysia/luar negara yang menyebabkan mereka terhalang untuk KELUAR dari Malaysia/ MASUK ke negara terbabit. MoodExpert Travel & Tours Sdn Bhd adalah tidak bertanggungjawab sekiranya mana-mana peserta dinafikan hak untuk ke luar negara oleh Pihak Imigresen Malaysia. Bayaran penuh pakej tidak akan dipulangkan.